

## SOALAN NO: 155

sebanyak 2,872 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan melibatkan 1 ibusawat dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019 di Parlimen Libaran.

Di samping itu, Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 1 dan 2 bagi mempertingkatkan kualiti Internet yang menawarkan kelajuan sehingga 100Mbps termasuklah bandar-bandar utama di negeri Sabah. Dengan adanya perkhidmatan ini, purata kelajuan Internet 20Mbps akan dapat dinikmati oleh rakyat dan inisiatif ini akan terus diperluaskan ke kawasan-kawasan lain secara berperingkat sehingga sasaran capaian 95% liputan jalur lebar dapat direalisasikan menjelang tahun 2020.

**SULIT**

**MESYUARAT KEEMPAT, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI  
WANG  
(KOTA SAMARAHAN)**

**SOALAN : 156**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan program dan bantuan pendidikan  
yang diberikan kepada usahawan muda/kecil dan  
sederhana supaya lebih produktif dan berdaya saing.

**SULIT**

**SULIT**

**Jawapan :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah mengambil banyak inisiatif dan usaha dalam memodenkan luar bandar supaya setara dengan kemudahan yang ada di bandar, selaras dengan moto Kementerian iaitu "Membandarkan Luar Bandar".

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam membantu usahawan muda/kecil dan sederhana supaya lebih produktif dan berdaya saing di luar bandar, KKLW telah melaksanakan program yang dikategorikan kepada 2 bidang utama iaitu:

Pertama, peningkatan tahap ekonomi yang dilaksanakan melalui Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang menyediakan bantuan bagi menjalankan aktiviti ekonomi secara kecil-kecilan, aktiviti berasaskan pertanian, aktiviti berasaskan pemprosesan hasil tani dan aktiviti berasaskan

**SULIT**

## **SULIT**

perkhidmatan. Bantuan yang diberikan pada kadar tidak melebihi RM10,000 seorang berbentuk kursus persediaan, latihan pra-pelaksanaan projek, peralatan, mesin, bengkel, ruang niaga, premis, bahan mentah dan modal pembangunan dan operasi.

Selain daripada itu, program Rural Business Challenge (RBC) yang bermula pada tahun 2012 yang berkonsepkan pertandingan penyediaan rancangan perniagaan untuk dilaksanakan di luar bandar dan penyertaannya dibuka kepada semua belia di Malaysia. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membangunkan usahawan muda dalam pembangunan ekonomi luar bandar yang mana para pemenang RBC akan menerima geran perniagaan bagi melaksanakan projek-projek ekonomi di luar bandar mengikut rancangan perniagaan yang dicadangkan.

KKLW juga menawarkan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputera luar bandar. Skop pembiayaan ini adalah meliputi pembelian mesin/peralatan bagi membantu meningkatkan perniagaan/perusahaan yang diceburi, modal kerja untuk

**SULIT**

## **SULIT**

tujuan perolehan bahan mentah dan ubah suai atau menaik taraf premis perniagaan/perusahaan. Keunikan skim pembiayaan ini adalah ianya tidak mengenakan syarat cagaran/penjamin, bayaran perkhidmatan berasaskan jumlah baki pinjaman semasa dan tempoh penangguhan bayaran balik selama enam (6) bulan bagi memberi peluang kepada peminjam menjanakan pendapatan. Dua (2) buah bank pelaksana bagi SPED adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).

KKLW menerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) juga menyediakan Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE) dan Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM). SPiKE merupakan kemudahan pembiayaan kewangan jangka pendek kepada kontraktor Bumiputera yang meliputi aktiviti pembinaan, pembekalan, perkhidmatan dan elektrik. Sasaran pelanggan adalah kontraktor binaan kelas G1, G2, G3, G4 dan G5 atau dahulunya dikenali sebagai F, E, D dan C. SPiM pula bertujuan untuk melahirkan usahawan yang berdaya maju, berdaya tahan

**SULIT**

## **SULIT**

dan berdaya saing. Skim ini memberi keutamaan untuk membantu usahawan yang mempunyai masalah kekurangan modal dan mempunyai perniagaan yang berpotensi untuk berkembang maju serta komited, jujur, beretika selain mempunyai daya tahan dan semangat juang yang tinggi dalam menguruskan perniagaan.

Tuan Yang di-pertua,

Bidang kedua bagi membantu usahawan muda/kecil dan sederhana supaya lebih produktif dan berdaya saing di luar bandar adalah pembangunan modal insan melalui Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP) dan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI). Program PLKK menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasaran mengikuti kursus-kursus latihan jangka pendek, sederhana dan panjang termasuk kemahiran asas MLVK (Sijil Kemahiran Malaysia SKM I & SKM II). Program PKP pula menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasaran mengikuti kursus-kursus peningkatan pencapaian

**SULIT**

## **SULIT**

akademik. Manakala Program PPMI menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus-kursus perubahan sikap, motivasi dan pembangunan insan. Matlamatnya ialah untuk membangunkan minda dan sikap kumpulan sasar supaya lebih bermotivasi untuk berusaha meningkatkan ilmu, pendidikan, kemahiran serta pendapatan keluarga. Kementerian ini amat komited dalam memastikan penduduk luar bandar memperoleh kehidupan berkualiti selaras matlamat ke arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi menjelang tahun 2020.

**SOALAN ( 157 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[KOTA SAMARAHAN]**

**SOALAN :-**

**Y.B. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh manakah rancangan kerjasama yang dilakukan dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam membangunkan "Youth City" dan apakah konsep yang akan diketengahkan.**



## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Inisiatif *1Malaysia Youth City* (1MYC) yang juga dikenali sebagai Bandar Belia 1Malaysia, diterajui oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan pihak swasta. KPKT merupakan penyelaras dalam pelaksanaan projek fizikal manakala **KBS dan KKLW memainkan peranan di dalam pengisian inisiatif berbentuk program golongan belia**. Ia merupakan langkah *breaking the silo* antara Kerajaan / Agensi di samping memanfaatkan sumber sedia ada di Kementerian / Agensi masing-masing untuk memastikan pelaksanaan secara *low cost, rapid execution* dan *high impact*.

1MYC merupakan satu bentuk pembangunan holistik, komprehensif dan bersepadu yang dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan belia, khususnya dalam bidang keusahawanan serta dapat meningkatkan kemahiran dan keupayaan diri, di samping dapat menikmati hidup secara sejahtera dengan kemudahan rekreasi dan perumahan mampu milik.

Terdapat empat (4) lokasi bagi 1MYC iaitu di Bandar Tanjung Malim, Putrajaya, Lundu di Sarawak dan Tuaran di Sabah. Walau bagaimanapun, ciri-ciri pembangunan 1MYC adalah berlainan bagi keempat-empat lokasi ini.

#### **A. 1MYC Tanjung Malim**

lanya memberi kepada usaha-usaha **mengurangkan kadar penghijrahan penduduk ke bandar besar seperti Kuala Lumpur dengan berteraskan *Live-Learn-Work-Play***. 1MYC Tanjung Malim ini terdiri daripada pembangunan projek-projek fizikal juga yang berbentuk program. Pelaksanaan projek-projek yang dirancang akan melibatkan KPKT, Kerajaan Negeri Perak, Majlis Daerah Tanjung Malim dan sektor swasta. Antara projek fizikal termasuk menaik taraf

rumah rehat lama kepada *Art Hub* dan dua (2) projek yang sedang dalam pembinaan iaitu:

- i. Projek kesinambungan laluan pejalan kaki, laluan basikal dan lukisan mural di 200 dinding bangunan lama di Pekan Tanjong Malim; dan
- ii. *1Malaysia Entrepreneurship Hub* (1MET Hub).

Kedua-duanya dijangka siap pada hujung tahun 2016.

Bagi pelaksanaan projek-projek fizikal dan pembangunan bandar yang melibatkan sektor swasta, ianya berteraskan perancangan untuk jangka sederhana dan jangka panjang. Dalam pada itu, pihak **KBS** hanya terlibat dalam menyelaras pelaksanaan program-program perancangan jangka pendek bagi inisiatif 1MYC ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, populasi Daerah Muar 2016 dianggarkan seramai 80,314 orang (di mana 60% atau 48,000 terdiri daripada golongan belia). **Bagi Bandar Belia 1MYC Tanjong Malim, menjelang tahun 2020, dianggarkan seramai 66,000 orang adalah dari golongan belia** (iaitu 60% daripada jumlah unjuran Daerah Muar iaitu seramai 110,439 orang). Unjuran bilangan belia Daerah

Mualim tahun 2020 ini juga mengambilkira unjuran bilangan pelajar dan tenaga pengajar Universiti Pendidikan Sultan Idris 2020 serta perpindahan tenaga kerja *Proton Plant* dari Shah Alam.

### **B. 1MYC Putrajaya**

Akan dilaksanakan di atas tanah seluas 6.56 ekar atau 2.65 hektar dengan mempunyai komponen pembangunan seperti Rumah Transit, *Budget Hotel (Dorm/Hotel)*, *Youth Business Hub*, Pusat Seni dan padang rekreasi. Ia merupakan projek usaha sama antara Perbadanan Putrajaya dan sektor swasta. Status pelaksanaan adalah **di peringkat request for proposal** daripada sektor swasta.

### **C. 1MYC Lundu**

Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju untuk memilih Lundu sebagai lokasi pembangunan 1MYC. Konsep pembangunan adalah **sukan dan eko-pelancongan**. Dua (2) projek telah dikenalpasti dan sedang di peringkat proses perolehan iaitu :

- i. Menaik taraf padang bola di Pekan Lundu
- ii. Menaik taraf *Mini Sport Complex*, Pekan Lundu

Manakala bagi projek menaik taraf *Pueh Youth Camp* ianya dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2017.

**D. 1MYC Tuaran**

Kerajaan Negeri Sabah sedang mengenalpasti projek *quick win* iaitu projek yang boleh dilaksanakan dalam tempoh kurang daripada satu (1) tahun. Konsep 1MYC bagi Tuaran adalah berdasarkan kepada **Pelancongan, Budaya dan Sukan.**

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK HAJAH NORAH BINTI  
DARIPADA ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian menambah peruntukan bagi membina baru sekolah-sekolah dalam kawasan Parlimen Tanjong Manis iaitu sekolah yang dibina dengan struktur kayu yang berkeadaan daif dan tidak selamat digunakan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebanyak dua (2) projek sedang dalam proses pelaksanaan dalam RMke-11 di Parlimen Tanjong Manis iaitu:

1. pembinaan tambahan asrama 90 pelajar, gantian dewan makan dan tambahan empat (4) unit rumah guru di SK Mupong, Meradong, Sarawak, dan

2. pembinaan gantian penuh 12 bilik darjah, asrama 100 murid dan enam (6) unit rumah guru di SK Mandor, Aris, Sarikei, Sarawak manakala enam (6) buah sekolah daif di parlimen ini juga dikenal pasti sebagai antara cadangan sekolah-sekolah daif yang bakal dinaik taraf secara *Industrialized Building System* (IBS) pada tahun 2017 kelak. Kos keseluruhan projek-projek tersebut adalah dianggarkan berjumlah RM54 juta.